

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MALAM JASA MU DI KENANG YANG BERBAHAGIA DATO'  
ABD. HALIM ABD. HAMID DAN LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD.  
RAZAK DI HOTEL PUTRA PALACE PADA 29 OGOS 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,  
TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU  
HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,  
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI  
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS 'MALAM  
JASA MU DI KENANG' YANG BERBAHAGIA DATO' ABD. HALIM ABD.  
HAMID DAN YANG BERBAHAGIA LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD  
RAZAK INI.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU  
YANG HADIR.

YANG BERHORMAT ENCIK MAT ZARA'AI BIN ALIAS, PENASIHAT UNDANG-  
UNDANG KERAJAAN NEGERI PERLIS DAN ISTERI

YANG BERBAHAGIA DATO' ABD. HALIM ABD. HAMID DAN DATIN

YANG BERBAHAGIA LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD RAZAK DAN  
ISTERI

YANG DIHORMATI ASISTEN KOMISIONER POLIS, ABDUL MAJID ABDULLAH, TIMBALAN KETUA POLIS PERLIS DAN ISTERI

YANG DIHORMATI LT. KOL. OMAR HAMZAH ZAMHARI BIN MOHD NASIR, TIMBALAN KOMANDER REJIMEN 504 ASKAR WATANIAH DAN ISTERI,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM DAN ISTERI,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

DAN WARGA KERJA KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANAHU WA TAALA DI ATAS LIMPAN KURNIA, IZIN SERTA KELAPANGAN MASA DAN REZEKI YANG DIKURNIAKAN BUAT KITA SEMUA. SEMBAH DAN SALAM JUGA BUAT JUNJUNGAN BESAR, NABI MUHAMMAD S.A.W. DAN SELURUH KAUM KERABAT DAN SAHABAT BAGINDA.

SESUNGGUHNYA PADA MALAM YANG MULIA INI KITA BERKUMPUL BAGI MERAIKAN DUA ORANG TOKOH YANG TELAH BANYAK MENCURAH KERINGAT, MENABUR BAKTI, BAIK DI BUMI INDERA KAYANGAN INI HATTA KEPADA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA SENDIRI. MEREKA YANG SAYA MAKSUDKAN TAK LAIN, TAK BUKAN DATO' ABD. HALIM BIN ABD. HAMID DAN LT. KOL MAHYUDDIN BIN HAJI ABD. RAZAK.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA AHLI JAWATANKUASA 'MALAM JASA MU DI KENANG' INI KERANA SEKALI LAGI TELAH BERGANDING BAHU, MENGARAP RENCANA, MENCANAI IDEA DAN SETERUSNYA MELANGSUNG KERJA BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPAKAN.

TIDAK KETINGGALAN JUGA SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN TETAMU DAN DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR KE MAJLIS MALAM JASA MU DI KENANG INI. IBARAT KATA PEPATAH, SUDAH TERANG LAGI BERSULUH.

BEGITU LAH HENDAKNYA. KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA KE MAJLIS KAMI PADA MALAM PENUH NOSTALGIA INI PASTI MENAMBAH SERI PENUH BERERTI, BUAT DI KENANG DI KEMUDIAN HARI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

TINGGI SUNGGUH GUNUNG DAIK  
MERCUNYA NAMPAK TERANG BERKILAU  
KALAU ASAL BENIH YANG BAIK  
JATUH KE LAUT MENJADI PULAU

SEPERTI MANA PEMBAYANG, BEGITU LAH JUGA MAKSUDNYA BAGI DUA ORANG INSAN YANG KITA RAIKAN PADA MALAM INI. DARI LUBUK HATI PENUH KEIKHLASAN SERTA ZUHUD, SAYA MEWAKILI WARGA KERJA KUKUM INGIN MENGUCAPAKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA DATO' ABD. HALIM BIN ABD. HAMID DAN LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD. RAZAK KERANA SUMBANGAN, BANTUAN, PERTOLONGAN DAN NASIHAT YANG TELAH DIHULURKAN KEPADA UNIVERSITI INI.

SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM YANG MASIH 'HIJAU' USIANYA, KUKUM DIIBARATKAN SEPERTI ANAK KECIL YANG MASIH BERTATIH, MENGATUR LANGKAH DEMI LANGKAH, APATAH BELUM MAMPU BERDIRI TEGAK UNTUK MEMACU DIRI BERLARI KENCANG.

ANAK KECIL INI SUDAH PASTI MEMERLUKAN SOKONGAN DAN BANTUAN DARI ORANG-ORANG DI SEKELILINGNYA. SETIAP KATA DIDENGARI, DAN SETIAP NASIHAT DIAMATI SUPAYA BILA JATUH DIA MAMPU TERSENYUM DAN BANGUN SEMULA UNTUK BERDIRI DAN BERLARI. HEMBUSAN NASIHAT DAN PANDUAN ITU SUDAH PASTI DIJADIKAN AZIMAT BUAT BEKALAN DI MUKA HARI.

SEDARI HAMPİR TIGA TAHUN KUKUM BERTAPAK DI SINI, SUDAH PELBAGAI AKTIVITI SERTA PROGRAM DI PERINGKAT UNIVERSITI KAMI LAKSANAKAN. ACAPKALI AKTIVITI DAN PROGRAM ITU JUGA KUKUM MEMERLUKAN BANTUAN DAN PERTOLONGAN DARI POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) DAN REJIMEN 504 ASKAR WATAH NIAH BAGI MEMASTIKAN KELANGSUNGAN ACARA.

TIDAK PERNAH TIDAK, SETIAP BANTUAN DAN KERJASAMA YANG DIPERLUKAN ITU GAGAL DIPENUHI. MALAHAN KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU MEREKA TADAHKAN. SAYA AMAT TERSENTUH DENGAN KERJASAMA, BUDI BAIK SERTA PERTOLONGAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH KEDUA-DUA INSAN INI YANG MEWAKILI ORGANISASI MASING-MASING.

TAK TERTULIS DEK KATA-KATA, TAK TERLUKIS DEK PERASAAN BETAPA KAMI DI KUKUM INI AMAT TERHUTANG BUDI DENGAN BANTUAN YANG

TELAH DIBERIKAN SELAMA INI. SEBAGAI CONTOH, SEMASA ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM PADA 17 JULAI LALU.

TANPA BANTUAN PDRM, SUDAH PASTI KELANGSUNGAN MAJLIS ITU TERGENDALA DEK KESESAKAN JALANRAYA DAN SUDAH PASTI JUGA MENYUKARKAN PERGERAKAN TETAMU SERTA DIF-DIF KEHORMAT YANG DATANG DARI SELURUH PELUSUK TANAHAIR.

BEGITU JUGA SEMASA BERLANGSUNGNYA PESTA PEMASYHURAN BERSEMPERNA DENGAN ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DI PERKARANGAN STADIUM UTAMA KANGAR. UNIT POLIS TRAFIK, PDRM TELAH BERTUNGKUS LUMUS MENGAWAL LALULINTAS BAGI MEMASTIKAN TIADA SEBARANG KESESAKAN BERLAKU DI LOKASI TAPAK PEMASYHURAN TERSEBUT.

TERKINI, KUKUM BARU SAHAJA MELANCARKAN PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DI PERINGKAT UNIVERSITI PADA 17 OGOS LALU. SEMASA PROGRAM KONVOI BERMOTOR MENGIBARKAN BENDERA JALUR GEMILANG YANG MEMBABITKAN HAMPIR 500 ORANG WARGA KUKUM MENAIKI KERETA DAN MOTOSIKAL, BERMULA DARI KAMPUS KUBANG GAJAH DAN SETERUSNYA MELALUI PEKAN JEJAWI, BANDAR KANGAR, SERIAB, PEKAN KUALA PERLIS DAN BERAKHIR DI KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS, ANGGOTA POLIS TRAFIK PDRM SEKALI LAGI TELAH BERJAYA MENGAWAL JALAN-JALAN YANG DILALUI DENGAN JAYANYA.

SYUKUR ALHAMDULILLAH, PROGRAM TERSEBUT TELAH BERAKHIR DENGAN JAYA TANPA SEBARANG KEMALANGAN. BEGITU LAH JUGA SEMASA PROGRAM JALAN KAKI PATRIOTIK 10 KM PADA 22 OGOS LALU. TANPA SEBARANG KESULITAN DAN MASALAH, PROGRAM YANG MEMBABITKAN HAMPIR 1000 ORANG WARGA KUKUM TELAH BERJAYA DAN SELAMAT SAMPAI KE DESTINASI YANG DITUJU.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

KUKUM SEDAR DAN PERCAYA BAHAWA MAHASISWA/I YANG BERKELAYAKAN DAN BERKEMAHIRAN TINGGI BUKAN SAHAJA HARUS MEMILIKI KELULUSAN IJAZAH MALAH MAMPU MEMBERI SUMBANGAN YANG PELBAGAI KEPADA AGAMA, BANGSA DAN NEGARA. BUKAN KAH LIABILITI JIKA GRADUAN YANG DIHASILKAN KELAK SUDAH LUNTUR DAN LEKANG SEMANGAT DAN JIWA KEMALAYSIAAN MEREKA.

KUKUM MERASAKAN SALAH SATU CARA UNTUK MEMPUPUK SERTA MENYEMAI SEMANGAT NASIONALISME DAN PATRIOTISME DI KALANGAN

BAKAL GRADUANNYA IALAH MELALUI PENYERTAAN MAHASISWA/I DI DALAM KEGIATAN YANG MAMPU MENCORAKKAN DISPLIN DAN SAHSIAH DIRI PELAJAR SEPERTI YANG DITERAPKAN DI DALAM MANA-MANA PASUKAN BERUNIFORM DI NEGARA INI SEPERTI POLIS, ASKAR DAN SEBAGAINYA.

JUSTERU ITU KUKUM MERASAKAN GAGASAN IDEA ITU BOLEH DIZAHIRKAN DENGAN MENUBUHKAN SATU UNIT ASKAR WATAHIAH DI UNIVERSITI INI. SYUKUR ALHAMDULILLAH, MELALUI BANTUAN, RUNDINGCARA DAN NASIHAT YANG TELAH DIBERIKAN OLEH LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD RAZAK SEBAGAI TIMBALAN KOMANDER REJIMEN 504 ASKAR WATAHIAH, UNIT ASKAR WATAHIAH KUKUM TELAH PUN BERJAYA DITUBUHKAN.

SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA LT. KOL. MAHYUDDIN KERANA TELAH MEREALISASIKAN IMPIAN SERTA CITA-CITA KUKUM UNTUK MENUBUHKAN UNIT ASKAR WATAHIAH TERSEBUT. TANPA BANTUAN DARI BELIAU, CITA-CITA DAN GAGASAN IDEA ITU MUNGKIN HANYA BERKUBUR DAN BERLALU BEGITU SAHAJA.

SEPERTI MANA PDRM JUGA, REJIMEN ASKAR 504 ASKAR WATAHIAH TIDAK PERNAH MENGHAMPAKAN, WALAUPUN BARANG SEINCI SETIAP KALI DIMAJUKAN SEBARANG PERTOLONGAN DAN BANTUAN. MEREKA BERSEDIA MEMBERIKAN PERTOLONGAN DAN KERJASAMA DI DALAM SEBARANG AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

SEBAGAI CONTOHNYA KETIKA ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKEYEN KUKUM DAHULU. MEREKA TELAH MENGHANTAR SATU KUMPULAN ANGGOTA UNTUK BERBARIS DAN MEMBERI TABIK HORMAT KEPADA DYMM TUANKU CANSELOR, TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL.

SELAIN MELATIH MAHASISWA/I KUKUM DI DALAM KEGIATAN UNIT ASKAR WATAHIAH DI KUKUM INI, MEREKA JUGA TELAH MELATIH BEBERAPA ORANG PEGAWAI KUKUM. INSYALLAH, JIKA TIADA ARAL MELINTANG, PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN (PALAPES) PULA AKAN DITUBUHKAN NANTI.

DENGAN BANTUAN ASKAR WATAHIAH 504 MEREKA TELAH MEMBUAT TINJAUAN RAPI UNTUK MENGENAL PASTI LOKASI UNTUK DIJADIKAN KAWASAN LATIHAN HUTAN DAN KAWASAN LATIHAN KONVENSIONAL PALAPES KUKUM NANTI. MALAH MEREKA JUGA TELAH MENGENAL PASTI KAWASAN MEREMPUH HALANGAN DAN KAWASAN UNTUK DIJADIKAN LAPANG SASAR 400 ELA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

TANPA TIANG YANG TEGAP RUNTUH LAH RUMAH, TANPA TONGGAK YANG BIJAKSANA HANCUR BINASA LAH KITA. TIDAK DAPAT HENDAK SAYA BAYANGKAN APAKAH KUKUM MAMPU BERDIRI MEGAH DI SINI TANPA BANTUAN SERTA PERTOLONGAN YANG TELAH DIHULURKAN OLEH KEDUA-DUA INSAN YANG BEGITU SINONIM DENGAN UNIVERSITI INI.

DI KESEMPATAN INI SEKALI LAGI SAYA INGIN MEMANJANGKAN RASA TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA DATO' ABD. HALIM BIN ABD HAMID DAN LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD. RAZAK DI ATAS SEGALA PERTOLONGAN YANG TELAH DIBERIKAN. SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA DUA ORANG INSAN INI YANG TELAH BANYAK MENABUR JASA DAN BAKTI KEPADA KUKUM. TIDAK TAHU BAGAIMANA RASANYA MAHU MEMBALAS JASA BAIK MEREKA BERDUA INI.

SAYA AMAT BERHARAP HUBUNGAN KERJASAMA YANG BAIK ANTARA KUKUM DENGAN PDRM DAN REJIMEN 504 ASKAR WATAHNAH DAPAT DIKEKALKAN WALAUPUN TANPA KEDUA-DUA ORANG INSAN YANG KITA RAIKAN PADA MALAM INI. DENGAN RASA PENUH KEIKHLASAN SAYA INGIN TUJUKAN PANTUN INI UNTUK KEDUA-DUA INSAN YANG AMAT SAYA SANJUNGI DAN HORMATI.

TENANG-TENANG AIR LAUT  
SAMPAN KOLEK MUDIK KE TANJUNG  
HATI TERKENANG MULUT MENYEBUT  
BUDI BAIK RASA NAK JUNJUNG.

TANAM LENGGUN TUMBUH KELAPA  
TERBIT BUNGA PUCUK MATI  
BUDI BAIK SAYA TAK LUPA  
SUDAH TERPAKU DALAM HATI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA DATO' ABD. HALIM BIN ABD HAMID DAN LT. KOL. MAHYUDDIN BIN HAJI ABD RAZAK DI ATAS SUMBANGAN DAN JASA MEREKA KEPADA

KUKUM. UCAPAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA SEMUA TETAMU DAN DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR DAN SYABAS KEPADA AHLI JAWATANKUASA MALAM JASA MU DI KENANG YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS MENJAYAKAN MAJLIS YANG BERMAKNA INI.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS MALAM JASA MU DI KENANG INI. PATIK SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.